



MEMO RASMI HAL EHWAL AKADEMIK

Daripada : Pejabat Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa
Kepada : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 20 Oktober 2021
No. Memo : HEA/2021 – 001(09)
Perkara : Kehadiran Pensyarah UiTM CPP Semasa Tempoh Fasa Tiga (3) Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Merujuk kepada Surat Naib Canselor 100-UiTM (NC 6/2/1) yang bertarikh 18 Oktober 2021 berkenaan Pengemaskinian Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi Mara (UiTM) semasa tempoh pelan pemulihan negara (PPN) fasa 1-4 bagi staf dan pelajar, berikut diperincikan maklumat berkaitan keberadaan pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang:

- 1) Kehadiran pensyarah ke kampus atau bekerja dari pejabat (BDP) adalah ditetapkan pada kapasiti maksimum 80%.
- 2) Kapasiti pensyarah yang akan bekerja dari rumah (BDR) untuk setiap jabatan atau pusat pengajian ditetapkan pada 20%.
- 3) Permohonan masuk ke kampus melalui sistem ePKP adalah ditangguhkan bermula pada tarikh memo ini.
- 4) Semua pensyarah dinasihatkan untuk mengemaskini penggunaan stiker pelekat kenderaan UiTM yang terkini bagi melancarkan urusan kemasukan ke kampus.
- 5) Semua pensyarah adalah dinasihatkan untuk memulakan pengurusan penjagaan anak masing-masing dengan teratur bermula dari sekarang. Ini adalah bagi membuat persediaan kearah peralihan kepada Fasa empat (4) Pelan Pemulihan Negara (PPN) dimana kehadiran semua staf adalah 100% bekerja dari pejabat (BDP).
- 6) Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Program adalah diminta untuk memantau dan merekod kehadiran pensyarah agar mematuhi peratusan kehadiran yang telah ditetapkan.
- 7) Sebarang pengecualian kehadiran ke kampus atau permohonan khas (menjaga ibu bapa atau anak OKU) perlu dimajukan secara bertulis melalui ketua jabatan masing-masing kepada Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa untuk kelulusan pihak pengurusan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sekian, Terima kasih

Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy bin Razali

Timb. Rektor Akademik & Antarabangsa
UiTM Cawangan Pulau Pinang